

BAB 2

UNDANG-UNDANG DI TEMPAT KERJA

Mengurus Bahan Kimia Di Tempat Kerja

Undang-undang utama yang memberi tumpuan khas kepada keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja di tempat kerja ialah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Akta ini memastikan agar pekerja, majikan, masyarakat dan kerajaan menentukan aspek keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja di tempat kerja diberi perhatian khusus bagi mewujudkan suasana kerja yang kondusif dan selamat. Dalam Akta ini, terdapat peraturan-peraturan yang memberi tumpuan kepada aspek mengurus bahan kimia di tempat kerja iaitu:

- a. Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan Dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000
- b. Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pengelasan, Pembungkusan dan Pelabelan Bahan Kimia Berbahaya) 1977 [P.U. (A) 143/97]

Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan Dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000

Peraturan ini mula berkuatkuasa pada 4 April 2000. Peraturan ini terpakai bagi semua tempat kerja yang menggunakan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan kecuali bahan kimia yang :

- a. Ditakrifkan sebagai bahan radioaktif di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304);
 - b. Barang makanan;
-

- c. Berbahaya kepada kesihatan semata-mata oleh sebab sifat mudah meletup atau mudah terbakar, atau semata-mata kerana bahan kimia tersebut berada pada suhu tinggi atau rendah atau pada tekanan tinggi;
- d. Keluaran farmaseutikal.

Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan Dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000 juga mengandungi ketentuan kewajipan majikan dan orang yang bekerja sendiri, pengenalpastian bahan kimia berbahaya kepada kesihatan, had pendedahan yang dibenarkan, penaksiran risiko kepada kesihatan, tindakan untuk mengawal pendedahan, pelabelan dan pelabelan semula, penyediaan maklumat, arahan dan latihan, pemantauan pendedahan di tempat kerja, pengawasan kesihatan, perlindungan pemindahan perubatan, tanda amaran dan kaedah penyimpanan rekod.

Untuk bacaan dan maklumat lanjut sila rujuk kepada Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan Dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000 di **Lampiran 1**.

Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pengelasan, Pembungkusan dan Pelabelan Bahan Kimia Berbahaya) 1977 [P.U. (A) 143/97]

Peraturan ini berkuatkuasa pada 15 April 1997, terpakai bagi pembekaa01.

kimia berbahaya bagi kegunaan di tempat kerja kecuali bahan kimia berbahaya yang :

- a. Ditakrif sebagai bahan radioaktif di bawah Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984; Ditakrif sebagai racun makhluk perosak di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1994;
-